

29 DEC 2001

Isa-Projek

PROJEK RANGSANGAN EKONOMI ERATKAN PERSEFAHAMAN

SEREMBAN, 29 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad mencadangkan projek rangsangan ekonomi diteruskan kerana ia mewujudkan persefahaman dan kerjasama antara wakil rakyat, pemborong, pegawai kerajaan dan masyarakat.

Beliau berkata memandangkan projek itu tidak menggunakan tender, semua yang terbabit bekerjasama dan saling membantu menyiapkan projek mengikut jadual.

Fasa pertama projek rangsangan ekonomi di negeri ini berjalan lancar dan siap mengikut jadual iaitu mesti siap selewat-lewatnya Isnin ini (31 Dis) manakala beberapa projek dalam fasa kedua akan diteruskan bulan depan, katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah Pertandingan Desa Cemerlang (PDC) 2001 di Wisma Negeri di sini, hari ini.

Negeri Sembilan diperuntukkan RM47 juta bagi menjalankan projek rangsangan ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Mohamed Isa berkata kestabilan hidup di kampung ada hubung kaitnya dengan pembangunan negeri dan negara dan masalah yang ada perlu ditangani segera agar tidak merosakkan perpaduan penduduk berbilang kaum di negara ini.

Kegagalan pemimpin atau Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) menjelaskan sesuatu isu juga boleh merosakkan perpaduan dan keselamatan sesebuah kampung itu, katanya.

Kerajaan berharap akan dapat melahirkan lebih banyak perkampungan yang moden, menarik dan maju selain masyarakatnya memiliki pengetahuan yang tinggi selaras dengan pembangunan teknologi moden.

Kampung Pelegong Labu di daerah Seremban menjadi johan PDC 2001 dan menerima wang tunai RM10,000 dan hadiah dalam bentuk projek pembangunan bernilai RM40,000.

Tempat kedua dimenangi oleh Kampung Lonek, Jempol yang merangkul wang tunai RM8,000 dan hadiah dalam projek pembangunan bernilai RM35,000 manakala tempat ketiga dimenangi oleh Kampung Pedas Gaing, Rembau, memenangi wang tunai RM6,000 dan hadiah dalam bentuk projek pembangunan bernilai RM30,000.

Kampung Pelegong Labu dibuka 150 tahun lepas berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) dengan 380 keluarga yang menjalankan aktiviti pertanian di tanah seluas 18.4 hektar serta memulihkan tanah sawah terbiar di bawah pimpinan ketuanya, Pilus Sidek.

"Pelegong" diambil daripada perkataan "palu gong" bagi menghalau binatang buas yang sering mengganggu tanaman dan kampung itu. Penduduk di kampung itu juga memajukan projek "home stay" sejak 1977 dan setakat ini, seramai 2,257 pelancong berkunjung ke kampung berkenaan.

--BERNAMA

AS APG NAK